

Headline	TNB diminta kemukakan maklum balas segera		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	16
ArticleSize	264 cm ²	Journalist	RIDZAUDDIN
PR Value	RM 20,553		



TNB diminta kemukakan maklum balas segera

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) diminta mengemukakan maklum balas segera berhubung status pelaksanaan pembinaan menara talian elektrik TNB fasa tiga di Hutan Simpan Kekal Lentang di Bentong, Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Pahang, Datuk Mohd. Soffi Razak berkata, kerajaan negeri memerlukan maklum balas tersebut untuk diteliti sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

"Penduduk Kampung Janda Baik juga berhak untuk mengetahui tentang maklum balas daripada pihak TNB selepas sesi dialog yang dijalankan pada

Disember tahun lalu, namun sehingga kini belum menerima sebarang jawapan.

"Kita tidak menghalang projek TNB kerana ia memberikan kebaikan kepada negara. Bagaimanapun, diharap permintaan penduduk kampung juga dapat dipertimbangkan sebaiknya oleh TNB," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *Kosmo!* semalam berhubung bantahan penduduk

Kampung Janda Baik yang mendesak agar laluan grid projek pembinaan menara talian elektrik TNB fasa tiga di Hutan Simpan Kekal Lentang dilencongkan ke kawasan lain.

Mohd. Soffi berkata, pelaksanaan projek terbabit yang melibatkan penebangan kawasan

hutan perlu dilakukan sebaiknya bagi mengelakkan pencemaran kawasan tadahan air.

Menerusi laporan *Kosmo!* semalam, penduduk tempatan mendakwa, aktiviti penerokaan tanah bagi projek tersebut akan menyebabkan sungai dan khazanah alam semula jadi di kawasan berkenaan bakal musnah.

Difahamkan, kontraktor yang terlibat dengan projek talian penghantaran 500 kiloVolt (kV) dari Bentong South ke Lenggeng, Negeri Sembilan dan juga talian 275kV dari Bentong South ke Ampang East turut didakwa ter-

sasar dari kawasan sepatutnya.

Pada Jun tahun lalu, kerajaan negeri Pahang turut meminta supaya TNB mengkaji semula laluan projek tersebut kerana dikhuatiri menjejaskan pelbagai khazanah alam di Hutan Simpan Kekal Lentang.



MOHD. SOFFI



SEORANG penduduk menunjukkan kesan pembalakan yang didakwa bagi memberi laluan kepada pelaksanaan pembinaan menara talian elektrik TNB di Kampung Janda Baik baru-baru ini.